

22/11/1999

Pengundi wanita dijangka terus pilih Barisan Nasional

KUALA PILAH, Ahad - Wanita Umno yakin wanita yang berjumlah 55 peratus daripada 9.7 juta pengundi, akan terus memberi kepercayaan kepada Barisan Nasional (BN) untuk terus memerintah negara ini.

Naib Ketua Wanita Umno, Datuk Napsiah Omar berkata, wanita bukan saja ramai berdaftar sebagai pengundi, tetapi sebahagian besar mereka pergi mengundi.

Katanya, kira-kira 79 peratus daripada pengundi berdaftar keluar mengundi setiap kali pilihan raya.

"Keprihatinan wanita mengenai tanggungjawab mereka mengundi terbukti apabila daripada 79 peratus itu, 59 peratus adalah wanita," katanya ketika ditemui, semalam.

Napsiah yang mula bertanding dalam pilihan raya umum 1982 kali ini bertanding di Parlimen Kuala Pilah menentang Pengerusi Perhubungan Keadilan negeri, Ruslan Kasim.

Dalam pilihan raya umum lalu, beliau bertanding di kawasan Dewan Undangan Negeri (DUN) Pilah.

Sementara itu di KUANTAN, Ketua Pergerakan Wanita Umno, Datuk Dr Siti Zaharah Sulaiman berkata, tambahan kerusi Parlimen dan Dewan Undangan Negeri (DUN) yang diperuntukkan kepada calon Wanita mencerminkan pucuk pimpinan parti menaruh keyakinan kepada pergerakan itu.

Dalam pilihan raya umum 29 November ini, calon wanita Umno mendapat 17 kerusi DUN dan 11 kerusi Parlimen.

Beliau berkata, dengan tambahan kerusi itu, pucuk pimpinan parti mengiktiraf kemampuan dan kewibawaan calon wanitanya.

"Oleh itu, kita mesti membalas pengiktirafan itu dengan memberi kemenangan kepada Presiden Umno, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, melalui kerja keras sepanjang kempen pilihan raya," katanya.

Dr Siti Zaharah yang bertanding di kerusi Parlimen Paya Besar, berkata pihaknya yakin semua calon Wanita Umno mampu menewaskan lawan masing-masing dengan majoriti besar.

(END)